



PEKELILING RASMI NAIB CANCELOR BIL. 8/2020

**PELANJUTAN PENUTUPAN SEMENTARA KAMPUS UTHM  
SELARAS DENGAN PELANJUTAN TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 8/2020 ini adalah bagi memaklumkan mengenai keputusan **Pelanjutan Penutupan Sementara Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sehingga 9 Jun 2020** iaitu selaras dengan pelanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, mulai 13 Mei sehingga 09 Jun 2020, sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia melalui perutusan khas yang telah dibuat pada 10 Mei 2020, jam 2.00 petang.

**2.0 PELAKSANAAN PENUTUPAN UTHM**

- 2.1 Sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah mengumumkan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.
- 2.2 Selaras dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa **penutupan sementara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia meliputi Kampus Induk Parit Raja (termasuk Kampus Bandar) dan Kampus Cawangan Pagoh, serta sebuah pusat latihan iaitu Pusat Minda Emas (PuMAS) yang beroperasi di Tanjung Laboh adalah dilanjutkan sehingga 09 Jun 2020.**
- 2.3 Walau bagaimanapun, urusan pentadbiran, penyelenggaraan dan lain-lain operasi pejabat adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan jumlah staf yang minimum, mengikut keperluan dan arahan Ketua Pusat Tanggungjawab, mengambil kira kepentingan keselamatan dan kesihatan serta keperluan penjarakan sosial dan kepadatan ruang seperti mana garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 2.4 Staf yang berada di dalam kategori kritikal iaitu staf daripada Bahagian Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti, Kolej-Kolej Kediaman, Pejabat HEP dan Pusat Perumahan Pelajar adalah dibenarkan untuk beroperasi sepenuhnya namun staf perlu mematuhi kesemua aspek keselamatan dan kesihatan yang telah digariskan.

- 2.5 Semua staf samada yang perlu hadir ke pejabat atau yang Bekerja Dari Rumah, perlu merakamkan kehadiran menggunakan aplikasi *UTHM Attendance* (<https://attendance.uthm.edu.my>) atau mesin perakam kehadiran yang disediakan di dalam kampus mengikut kesesuaian lokasi tugas harian.
- 2.6 Aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara Pembelajaran Jarak Jauh (PJJ) yang telah bermula sepenuhnya pada 19 April 2020 (Ahad) sebagaimana Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Bil. 3/2020 bertarikh 26 April 2020 akan diteruskan.
- 2.7 Para pelajar yang terlibat dengan penutupan premis UTHM ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa mengenai sebarang perkembangan terkini yang berkaitan, melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).
- 2.8 Sebarang pemakluman mengenai operasi kampus atau lain-lain keperluan tadbir urus Universiti akan dibuat melalui sebarang Pekeliling Pengurusan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

### 3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan dan adalah tertakluk kepada sebarang pengumuman rasmi oleh pihak Kerajaan daripada semasa ke semasa. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan peningkatan penularan COVID-19 dan sentiasa berada di bawah lindungan Allah SWT. Semoga semua warga UTHM sentiasa terus cekal dan tabah dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”**

Yang benar,



**YBHG. PROF. DATUK Ts. DR. WAHID BIN RAZZALY**  
Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
13 Mei 2020